

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 12 Jamadilakhir 1438 / 11 Mac 2017****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kelima pada hari Sabtu, 12 Jamadilakhir 1438 bersamaan 11 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas

Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada hari ini, Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang kelima. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah pun bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sehingga hari ini, kita telah meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual bagi Rang Undang-Undang tersebut bagi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, kita masih lagi membincangkan dan membahaskan belanjawan Kementerian Pendidikan di Peringkat Jawatankuasa.

Maka, bagi membolehkan kita untuk menyambung semula perbincangan dan perbahasan kita bagi kementerian ini di Peringkat Jawatankuasa, maka saya tangguhkan sekarang persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya dan kita akan terus membincangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada petang Khamis, masih lagi membahaskan dan membincangkan Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan.

Saya masih lagi ada senarai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk bercakap dan membincangkan belanjawan ini, tetapi sebelum itu, kita persilakan dahulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk meneruskan penerangannya terhadap beberapa soalan, kalau saya tidak lupa, yang dikemukakan dalam majlis ini oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ اَجْمَعِيْنَ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ اَلتَّسْلِيْمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kebenaran untuk menyambung semula jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah pun dikemukakan pada hari Khamis yang lalu. Sebelum kaola menjawab soalan-soalan yang terakhir pada petang kelmarin, izinkan kaola juga menjawab beberapa soalan yang telah pun dikemukakan sebelum itu, yang jawapannya mungkin tidak diberikan sepenuhnya ataupun tidak lengkap kerana data-data/fakta-faktanya belum diperolehi ketika itu. Jadi

dengan izin Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjawab beberapa persoalan yang telah pun dikemukakan sebelum itu.

Pertama soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, mengenai dengan kajian tentang pembaziran makanan di sekolah-sekolah dan cadangannya mengenai pemberian makanan diganti dengan kupon di sekolah-sekolah sebagai satu cadangan untuk mengurangkan pembaziran.

Menyentuh mengenai pembaziran ini, dalam kajian pihak kementerian, memang didapati ada juga pembaziran disebabkan makanan yang dibekalkan itu mungkin tidak digemari oleh pelajar-pelajar berkenaan. Skim Minuman dalam Rancangan Permakanan Sekolah ini yang telah pun diperkenalkan pada 1 Januari 2016 bagi sebahagian besar sekolah rendah kerajaan di Negara Brunei Darussalam ialah bagi menggantikan bahagian minuman panas dan minuman kotak. Item-item yang dibekalkan dalam Skim Minuman adalah hasil penelitian semula bahagian ini terhadap item yang pernah dibekalkan dahulu dan kajian bagi item baharu yang ada dipasaran dengan mengambil kira penerimaan murid dan ujian rasa dan kesesuaian item selaras dengan panduan daripada Kementerian Kesihatan.

Hasil kaji selidik tersebut telah menunjukkan tahap penerimaan yang baik bagi sebahagian item yang dibekalkan pada masa ini dan bahagian ini juga mengambil maklum akan item-item yang tidak digemari oleh murid-

murid dan ia tidak akan disokong bagi pembekalan pada masa akan datang.

Pemantauan terhadap keberkesanan ke atas pemberian jenis makanan dan minuman yang baharu kepada murid-murid akan terus dilaksanakan oleh bahagian ini sebagai salah satu usaha bagi mengurangkan kadar atau mengelakkan pembaziran. Di samping itu, juga Kementerian Pendidikan juga perlu melihat kesesuaian makanan yang diberikan dalam memastikan pemakanan yang dibekalkan menjamin kesihatan kepada murid-murid di sekolah.

Soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa ialah mengenai guru-guru yang merasa terbeban disebabkan kurang masa bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan bersama keluarga. Isu ini perlu dijelaskan kerana ia sering hangat dibincangkan oleh orang ramai dan juga dalam kalangan guru-guru sendiri. Kaola ingin terangkan bahawa pengagihan tugas dan tanggungjawab guru-guru di sekolah berdasarkan kepada dua garis panduan iaitu bebanan tugas mengajar dan bebanan tugas bukan mengajar. Semua sekolah mematuhi garis panduan tersebut dalam pembahagian tugas di sekolah.

Dalam garis panduan tersebut, setiap guru dikehendaki mengajar antara 28-30 period seminggu. Jumlah bebanan mengajar ini termasuk *team teaching*, *full out* dan kelas intervensi yang melibatkan jumlah pelajar yang kecil. Walau bagaimanapun merujuk kepada data bebanan mengajar guru tahun

2017, jumlah dan peratus guru yang mengajar melebihi 30 period seminggu bilangannya adalah sangat kecil iaitu 1.7% sahaja ataupun kira-kira 107 orang guru di sekolah-sekolah kerajaan (rendah dan menengah) yang mengajar melebihi 30 period seminggu.

Guru-guru ini tidak diberikan tugas-tugas pentadbiran kecuali fokus kepada pengajaran dan pembelajaran. Situasi bebanan guru mengajar ini yang melebihi 30 period seminggu **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat diperbaiki lagi sepertimana garis panduan yang sedia ada dengan adanya pengambilan guru-guru yang akan mengisi jawatan-jawatan yang telah pun diiklankan dan masa ini dalam proses temuduga (*interview*) dan sebagainya. Dengan ada tambahan guru itu akan dapat mengurangkan bebanan guru-guru yang melebihi 30 period.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah telah pun mengambil maklum mengenai guru-guru berkenaan dan mengambil keputusan membuat perancangan bagi penempatan guru-guru yang akan menamatkan kursus *Master of Teaching* di pertengahan tahun dan diambil kira 124 jawatan yang akan diisi pada bulan April 2017.

Situasi ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat diperbaiki seperti mana garis panduan yang sedia ada. Dalam masa yang sama, apapun tugas yang diberi kepada guru-guru adalah sebahagian daripada keperluan guru-guru untuk meningkatkan keyakinan mereka dari segi kemahiran dan pengetahuan guru dalam bidang-bidang tugas masing-masing.

Walaupun ada tambahan-tambahan tugas itu bermakna sebagai guru kelas misalnya ataupun guru pengawas itu adalah sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab guru selain daripada mengajar.

Perkara ini tidak seharusnya dijadikan isu. Walau bagaimanapun, seperti mana dinyatakan pihak Kementerian Pendidikan sentiasa memantau keadaan guru-guru yang melebihi 30 period mengajar dan jika tidak terbeban dan terdaya oleh mereka usaha akan diambil oleh pihak sekolah untuk mengurangkan beban mereka agar dapat menjalankan tugas mengajar dengan lebih baik.

Kaola ingin mengimbas sedikit perbandingan dengan bebanan guru negara-negara lain. Purata keseluruhan beban mengajar bagi guru-guru sekolah menengah ialah 22.9 period seminggu, kira-kira 463 jam setahun. Jumlah ini adalah jauh rendah berbanding dengan purata negara *OECD* iaitu sebanyak 709 jam setahun bagi menengah bawah dan 664 jam setahun bagi menengah atas, sama ada perbandingan ini sesuai ataupun tidak terpulanglah kepada kita untuk menelitinya. Walau bagaimanapun, guru-guru kita hanya mengajar dalam 463 jam setahun.

Mengenai guru-guru kanan mempunyai beban mengajar di antara 18 hingga 24 waktu seminggu mengikut keperluan mata pelajaran masing-masing dan mengikut dasar garis panduan Tugas Mengajar. Usaha telah pun dibuat bagi melantik beberapa guru yang berpengalaman dalam pentadbiran sekolah bagi mengurus hal ehwal

pentadbiran sekolah seperti *HSSE (Health Safety Security and Environment)* hal ehwal dan kebajikan pelajar di samping berhubungan dengan pihak ibu bapa dan sebagainya.

Pada masa ini terdapat 10 buah sekolah menengah mempunyai Pengurus Operasi Sekolah. Usaha bagi menyediakan pegawai-pegawai khas ini juga akan diteruskan di sekolah-sekolah rendah yang mempunyai bilangan murid yang besar. Ini adalah bertujuan bagi meringankan beban guru daripada kerja-kerja pentadbiran khusus untuk mengajar, dengan lantikan-lantikan Pegawai Operasi Sekolah.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga menyediakan pegawai-pegawai hal ehwal pelajar bagi mengurus hal ehwal kebajikan permohonan-permohonan kemudahan dalam negeri terutama sekali di pusat-pusat tingkatan enam. Berbagai usaha telah pun diambil mengurangkan bebanan guru yang mengajar 30 period supaya tidak melibatkan kerja-kerja pentadbiran.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai peningkatan kualiti Program Pendidikan Khas.

Sejak tahun 1997 Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan dan mengamalkan dasar pendidikan inklusif di mana kanak-kanak atau pelajar-pelajar yang berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama dengan

rakan-rakan sebaya sekolah biasa iaitu *mainstream school*.

Pada masa ini seramai 4,303 pelajar berkeperluan khas sedang mengikuti persekolah dari pra sekolah peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Setengah daripada pelajar berkenaan terdiri daripada pelajar-pelajar lemah pembelajaran yang memerlukan intervensi dan literasi dan numerasi.

Manakala pelajar keperluan khas yang lain termasuk mereka yang bermasalah komunikasi, sensori, fizikal intelek, sosial emosi dan tingkah laku serta isu kesihatan. Sebahagian kecil terdiri daripada pelajar-pelajar pintar cerdas (*gifted children*).

Pelajar-pelajar keperluan khas dibekalkan dengan program bersesuaian untuk memenuhi keperluan khas mereka berdasarkan kepada peringkat usia dan tahap keupayaan individu melalui pelan Pemulihan Pembelajaran (*Remedial Educational Plan*) atau Rancangan Pendidikan Individual (*Individual Education Plan-IEP*) mengikut objektif pembelajaran.

Program-program ini dijayakan dengan kerjasama dan bantuan daripada 138 orang guru-guru pendidikan khas (guru *SENA- (Special Education Needs Assistant)*, 45 orang guru-guru *Home Room*, 136 orang guru pembantu pendidikan khas serta ahli-ahli Komite Peringkat Sekolah termasuk guru-guru kelas dan guru-guru mata pelajaran serta agensi luar yang berkaitan. Kalau mengikut jumlah guru-guru ataupun pembantu-pembantu memang tidak

mencukupi dengan kadar bilangan pelajar yang berkeperluan khas.

Walau bagaimanapun perkara itu diusahakan oleh pihak kementerian melalui Unit Pendidikan Khas melalui kursus-kursus bengkel bagi melengkapkan seseorang guru itu dengan *skill* tertentu seperti *skill* yang pernah ditawarkan kursus-kursus yang telah pun diadakan ataupun yang sedang diadakan untuk guru-guru *SENA* adalah pengajaran literasi kaedah gabungan bunyi, pendidikan khas asas numerasi, kod brail, bahasa isyarat dan *picture exchange communication system (PECS)*.

Di samping itu pengkhususan di kalangan guru-guru juga diberikan seperti 110 orang guru *SENA* telah mempunyai pengkhususan dalam pengajaran Literasi Kaedah Gabungan Bunyi Kata (*KGBK*) pendidikan khas dan asas numerasi. Seramai 120 orang guru *SENA* rendah dan menengah serta 25 orang guru *Home Room* sekolah menengah terlatih dalam masalah penglihatan iaitu kod brail serta orientasi dan mobiliti.

Seramai 63 orang guru *SENA* rendah dan 11 orang guru *Home Room*, sekolah menengah yang terlatih dalam masalah pendengaran. Seramai 28 orang guru *SENA* dan *Home Room Teachers* sekolah menengah yang terlatih dalam *Picture Exchange Communication System* Dan *Basic and Advance Training*. Seramai 28 guru *SENA* dan Guru *Home Room* yang terlatih dalam *Structure Approach In Learning (SLA)* untuk membantu pengajaran pelajar dalam masalah autisme. Seramai 16 orang guru iaitu 8 orang guru dari sekolah rendah dan 8

orang guru sekolah menengah telah menyertai Kursus *Certification on Dyslexia Therapist* pada tahun 2010. Seramai 21 orang guru *lead* bagi Pendidikan Cerdas Pintar sekolah menengah dan pasca menengah iaitu dalam Program Kebangsaan *Excel And Challenge* untuk pelajar cerdas pintar.

Di samping itu Unit Pendidikan Khas secara berterusan juga mengendalikan berbagai program latihan untuk guru-guru dan mana-mana pihak yang berminat seperti Kursus Pengenalan Pendidikan Inklusif bagi guru-guru sekolah-sekolah kerajaan dan swasta. Kursus Induksi program *Pra-Vokasional* bagi guru-guru *Home Room* dan guru subjek khusus pengenalan asas pendidikan inklusif pada guru-guru pra sekolah. Bengkel pengenalan mengenai pelajar keperluan khas, bengkel kaedah intervensi dyslexia dan sebagainya.

Adapun tujuan kaola menjelaskan perkara ini Yang Berhormat Pengerusi kerana isu ini isu yang penting banyak ibu bapa ingin mengetahui apakah kemudahan yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan dan soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat menunjukkan bahawa kecenderungan masyarakat untuk mengetahui kemudahan-kemudahan yang telah diberikan. Walaupun dalam keadaan *UPK* mempunyai kekurangan dari segi kakitangan pengajar dan sebagainya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pihak *UPK* dengan sedaya upaya akan memastikan bahawa guru-guru yang mengendalikan kanak-kanak keperluan khas ini ialah guru-guru yang mempunyai latihan-latihan khusus dalam penjagaan kanak-kanak sedemikian.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya fahaman daripada masyarakat dan ibu bapa usaha yang dibuat oleh Unit Pendidikan Khas akan dapat dimajukan lagi di masa akan datang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi minta maaf untuk menjelaskan beberapa soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai isu keusahawanan sama ada pihak Kementerian Pendidikan dalam mana-mana *syllabus* menggalakkan dalam mendidikan anak bangsa menjadi usahawan?

Sebenarnya di peringkat menengah mata pelajaran seperti Matematik, *English Language, Business, Art and Technology* adalah menjurus kepada isu-isu tentang pengetahuan berniaga. Sementara di peringkat *Institute of Brunei Technical Education (IBTE)* antara kursus berkaitan keusahawanan ditawarkan ialah *HNTec in Business and Finance, National NTec in Business Administration*. Begitu juga *Institute of Brunei Technical Education (IBTE) Sultan Bolkiah Campus* menawarkan kursus berkaitan keusahawanan iaitu *HNTec in Business and Finance, NTec in Business Administration*. Sementara di Politeknik Brunei bermula dari peringkat awal pengajian setiap pelajar mengikuti program *Level 5 Diploma* yang setaraf dengan *Higher National Diploma* dimestikan untuk mengikuti *module Entrepreneurship* pada tahun pertama pengajian.

Di peringkat pengajian tinggi Universiti Brunei Darussalam melalui strategi nombor 3 iaitu menggalakkan

pengajaran dan pembelajaran inovatif dalam perspektif global telah menggariskan *KPI-9* iaitu memperkembangkan kurikulum dan program keusahawanan dengan menyasarkan pada tahun 2020. 100% *module* yang disampaikan mengandungi kaedah pengajaran keusahawanan.

Di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula penerapan pemikiran keusahawanan melalui *APIKLM* telah menyediakan satu kawasan kafeteria yang dipanggil *UNISSA CAFE* yang para pengurus adalah terdiri daripada pelajar-pelajar UNISSA.

Seterusnya menjadikan kursus *entrepreneurship* sebagai kursus teras universiti dan ketiganya menjadikan projek keusahawanan sebagai kursus wajib fakulti untuk pelajar tahun akhir.

Universiti Terknologi Brunei (UTB) juga telah mengambil beberapa langkah melalui programnya dalam melahirkan graduan-graduan yang memiliki mentaliti keusahawanan, sedia mengambil risiko, inovatif, bersedia untuk menerima pekerjaan di sektor swasta berbanding di sektor awam dan bersedia untuk pasaran kerja global.

Antara langkah diambil oleh pihak Universiti Terknologi Brunei (UTB) ialah penyemakan semula kurikulum dan program, menawarkan kurikulum dan program yang relevan melibatkan pihak-pihak berkepentingan dan majikan dalam membentuk kurikulum dan program, menawarkan program berdasarkan kehendak pasaran dengan menjalankan

kaji selidik untuk mengenal pasti kepentingan program untuk pasaran kerja. Semua langkah ini bertujuan memperkenalkan *entrepreneurship* dalam kalangan pelajar-pelajar.

Di universiti pula terdapat *Entrepreneurship Village*. Kementerian Pendidikan melalui *Entrepreneurship Village* telah memperkenalkan program keusahawanan dalam pendidikan melalui agenda keusahawanan kebangsaan (*National Entrepreneurship Agenda (NEA)*) sejak April 2014. Melalui agenda ini beberapa program telah dijalankan yang bertujuan menjadikan landasan dalam memupuk minda keusahawanan dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini dan untuk mewujudkan satu ekosistem bagi penjanaan idea (*generation of ideas*), *experimentation enrichment and monitoring*.

Program yang dijalankan melalui *National Entrepreneurship Agenda (NEA)* ini menyasarkan 3 peringkat iaitu:

1. Peringkat pendidikan teras yang melibatkan pelajar sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam;
2. Peringkat pengajian tinggi yang melibatkan pelajar di institusi pengajian tinggi dan pendidikan teknikal; dan
3. Peringkat komuniti yang melibatkan masyarakat umum.

Berbagai-bagai usaha sampingan telah diambil oleh pihak universiti untuk menjayakan *Entrepreneurship Village* ini.

Kaola beralih kepada soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai dengan Sistem Miftahun Najah kejayaan-kejayaan pelajar. Perkara ini telah pun dijelaskan bahawa pelajar-pelajar yang di bawah skim ini juga dapat menunjukkan pencapaian dalam bidang akademik. Dalam pandangan pihak Kementerian Pendidikan usaha mengadakan Miftahun Najah ini telah menghasilkan pelajar-pelajar yang bagus dalam akademik. Jadi kita berharap agar skim ini akan berterusan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai peruntukan Akaun 005/003 gelaran asalnya Pendidikan dan Vokasional sama ada peruntukan ini boleh digunakan bagi pelajar-pelajar mengikuti pertandingan CIPTA di JMKE ataupun pertandingan serantau antarabangsa dan sebagainya?

Sebenarnya Peruntukan Berulang-Ulang yang diberikan kepada pihak IBTE adalah bertujuan untuk pembelian perkakas barang bagi pengajaran dan pembelajaran termasuk barangan guna habis (*consumable*) yang digunakan bagi membuat produk dalam projek-projek yang dijalankan oleh pelajar-pelajar IBTE. Peruntukan sama juga boleh diguna pakai seperti yang dibuat sebelum ini untuk pelajar-pelajar yang mengikuti pertandingan di Brunei atau serantau seperti *Shell Ecomarathon*, *CIPTA ASEAN Skill Competition* dan lain-

lain. Untuk makluman jua selain menggunakan peruntukan yang telah diberikan pihak *IBTE* juga berusaha mendapatkan tajaan-tajaan daripada syarikat-syarikat di negara ini bagi perbelanjaan mengikuti pertandingan-pertandingan berkenaan. Peruntukan Berulang-Ulang yang ada memanglah tidak cukup digunakan untuk mengikuti pertandingan walau macam manapun usaha daripada *IBTE* ialah untuk mendapatkan tajaan-tajaan yang telah berjalan dengan baiknya.

Soalan terakhir daripada Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai keberkesanan pendidikan inklusif yang diukur dari segi kualiti dan bukan kuantiti. Perkara ini memang diakui seharusnya kita juga meneliti dari segi sejauh manakah program pendidikan inklusif ini berkesan?

Ingin dikongsikan di sini bahawa daripada dapatan-dapatan ataupun keputusan peperiksaan yang telah pun diduduki oleh pelajar-pelajar berkeperluan khas nampaknya sebahagian daripada mereka memanglah memperolehi kejayaan yang kita hajatkan yang diharapkan oleh pihak mereka dan ibu bapa.

Berikut pencapaian pelajar-pelajar berkeperluan khas kebanyakan daripada mereka diberikan pertimbangan khas atau *access arrangement* semasa peperiksaan awam iaitu adaptasi dan modifikasi kertas soalan atau proses penilaian. Daripada usaha-usaha yang diberikan untuk membantu mereka keputusan mereka menunjukkan;-

1. PSR (Penilaian Sekolah Rendah) pada tahun 2016 dari seramai 335 orang pelajar Tahun 6 yang mempunyai *Remedial Education Plan (REP)* 84 orang pelajar iaitu 25% telah lulus peperiksaan PSR dalam 4 mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, *English*, Matematik dan Sains. Manakala dari seramai 41 orang pelajar Berkeperluan Khas yang menerima pertimbangan khas (*access arrangement*) 8 orang pelajar iaitu 20% yang lulus dalam 4 mata pelajaran teras semasa peperiksaan PSR.
2. Bagi peperiksaan 'O' Level daripada 28 orang pelajar Berkeperluan Khas yang menduduki peperiksaan *Brunei Cambridge* Peringkat 'O' pada Oktober-November 2016 sejumlah 9 orang iaitu 32% telah memperolehi 5 kredit 'O' level hingga 9 kredit 'O' level.
3. Peringkat 'A' level pula, 11 orang pelajar Berkeperluan Khas yang menduduki peperiksaan *Brunei Cambridge* Peringkat 'A' pada Oktober-November 2016 sejumlah 5 orang iaitu 46% telah memperolehi 2 'A' level hingga 4 'A' level.

Pada masa ini seramai 10 orang pelajar Berkeperluan Khas sedang mengikuti pasca menengah manakala seramai 28 orang pelajar di peringkat pengajian tinggi. Sama ada sistem pengajian inklusif mampu memenuhi kesemua keperluan golongan pelajar yang Berkeperluan Khas terutama sekali yang Berkeperluan Khas tahap tinggi memang

perkara ini tidaklah dapat kita penuhi kesemua keperluan.

Walau bagaimanapun, pihak Unit Pendidikan Khas (UPK) sentiasa memantau keadaan ini dan mana-mana kemudahan yang dapat diberikan akan diberikan oleh pihak Unit Pendidikan Khas (UPK) dan mana-mana pelajar yang mempunyai risiko tinggi misalnya mungkin dinasihati untuk tidak mengikuti *mainstream* biasa kerana dikhuatiri insiden-insiden yang tidak diingini.

Walau macamanapun daripada infrastruktur bangunan dan kemudahan asas perkara ini dari semasa ke semasa sentiasa dipertingkatkan oleh pihak kementerian akan dapat menampung keperluan pelajar-pelajar yang Berkeperluan Khas.

Akhir sekali soalan daripada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman hari Khamis yang tidak sempat dijawab iaitu soalan pertama apakah peruntukan perbelanjaan khususnya yang disediakan untuk peningkatan perkembangan di Bahagian Pengajian Tinggi, Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan kalau dilihat dari Institut Pendidikan Teknikal di bawah 005/006 Pengurusan dan Perancangan Sumber Manusia hanya disediakan \$55,806.00. Mungkin bukan menjelaskan sama ada peruntukan ini mencukupi atau tidak. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut dan cadangan tempoh hari perlunya pendedahan kepada tenaga pengajar Akademik Sektor Industri

seperti juga yang kaola telah terangkan tempoh hari.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sememangnya inisiatif ke arah ini telah pun dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan diteruskan dan dipertingkatkan lagi. Ini adalah usaha kita untuk menawarkan program-program yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri.

Ada 3 inisiatif penting yang sudah dimulakan iaitu:

1. Program Instruktur Atau Tenaga Pengajar Pengunjung (AJANG) yang terdiri daripada *practitioners* atau pengamal dari industri secara individu dalam pelbagai bidang ditawarkan sesi pengajian. Misalannya merekod eksekutif syarikat dalam bidang pengurusan dan keusahawanan, peguam-peguam, jurutera-jurutera dan sebagainya untuk menjadi (AJANG) profesor ataupun tenaga pengajar (AJANG).
2. Program latihan berkaitan bagi peningkatan kapasiti pengajaran melalui bengkel-bengkel ataupun persidangan profesional ataupun yang dianjurkan oleh badan-badan akademintasi antarabangsa dan sebagainya.
3. Projek kolaborasi antara institusi pengajian dalam pihak industri iaitu 2 cara diusahakan melalui pendapatan tenaga pengajar ke industri berkenaan. Contohnya UTB menempatkan tenaga pengajarnya di Korea Selatan bagi Projek *Wind Tunnel* dengan *TE Solution* dan sepertinya.
 - i. melalui projek kolaborasi *apright research* bersama industri bagi projek UTB dan *sesame world technology* dan sepertinya. Maka inisiatif-inisiatif yang disebutkan ini diharuskan agar adanya pemindahan pengetahuan kemahiran dan teknologi (*knowledge skill and technology transfer*) daripada pihak industri kepada institusi pengajian iaitu tenaga pengajar dan terutamanya para pelajar. Peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut B009002 Lawatan Pakar dan Penasihat di bawah akaun UBD 006/001 di bawah UNISSA 006/003 di bawah UTB 006/004.
 - ii. Yang keduanya peruntukan B00901 iaitu Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti di bawah akaun UBD, UTB, Politeknik Brunei dan akaun sektor kementerian digunakan juga untuk *IBTE*.
 - iii. Yang ketiga B01601 Penyelidikan dan Perkembangan di bawah akaun UNISSA dan keempat K23111 iaitu Pembangunan Strategik Institusi Tinggi,

Peruntukan Khas juga dipergunakan oleh bahagian pengajian tinggi UBD, UNISSA, UTB, Politeknik Brunei dan ITB pada Tahun Kewangan 2016/2017 ini adalah selain daripada peruntukan MO005/006 iaitu digunakan oleh *IBTE* yang dinyatakan tadi.

Jadi, pihak industri dan penggerak kepentingan juga telah turut membiayai program projek tersebut dalam berbagai-bagai bentuk. Selain daripada peruntukan daripada kerajaan pihak-pihak berkepentingan *stakeholders* juga memberi *collaboration* dan sebagainya dari segi bantuan kewangan tajaan.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat ialah mengenai bajet pemulihan bangunan dan aset bagi Sekolah Vokasional yang cuma disediakan \$83,000.00 dan memandangkan *IBTE* mengandungi 7 buah sekolah di seluruh negara adakah ia mencukupi ataupun tidak? Kita sedia maklum beberapa buah kampus dan bangunan di bawah bangunan *IBTE* sudah berusia 20 hingga 40 tahun ke atas dan mengalami kerosakan yang tertentu.

Jadi bagi kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan aset tersebut peruntukan itu adalah seperti berikut peruntukan 005/004 iaitu Pemeliharaan Bangunan dan Aset. Bagi pemulihan 7 buah kampus *IBTE* bagi kerja-kerja *minor work*. Peruntukkan 002/007 Perancangan dan Pengurusan Estet juga digunakan bagi

penyelenggaraan kerja utama atau *major maintenance works* dengan bantuan pakar daripada Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi.

Jabatan Perancangan dan Perkembangan Estet Kementerian Pendidikan. Projek-projek itu ada peruntukan yang diberikan dan kita akan berusaha untuk mengendalikan kerja-kerja pemuliharaan dari bajet tersebut. Sedikit cukup kalau banyak pun lebih.

Soalan ketiga, pembimbingan juga dibangkitkan mengenai peruntukan perbelanjaan UNISSA, UTB yang Peruntukannya 1/3 dibandingkan dengan peruntukan UBD manakala Politeknik peruntukan ini dalam 1/4 daripada UBD. Sejauh manakah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dari segi berpelajaran tinggi dan berkemahiran tinggi diukur dengan standard antarabangsa.

Sebagai jawapan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita mempunyai 4 buah institusi pengajian tinggi yang mempunyai tahap yang tersendiri dengan umur yang berbeza, UBD merupakan Universiti tertua yang komprehensif yang mempunyai keramaian pelajar dan sumber tenaga manusia yang tinggi kira-kira 4 kali ganda daripada institusi yang lainnya.

Begitu juga dengan asetnya lebih banyak berbanding dengan aset-aset yang lain. Bahkan secara semula jadi perbezaan peruntukan bagi UBD adalah tinggi.

Walau bagaimanapun, kita tidak akan terlepas pandang mana-mana isu seperti ini memerlukan peruntukan bagi kerja-kerja dan sebagainya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan kita teliti dan jika ada keperluan peruntukan

bersesuaian agar *cooperational* dari pihak institusi tersebut tidak akan terganggu. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat dijawab. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penerangan-penerangan lanjut yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan sekarang perbincangan ini kita teruskan dan saya ingin menjemput Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas penerangan tentang tujuan dan fokus utama kementerian yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Khamis yang lalu. Merujuk kepada kod 001/006 Pengurusan Program Biasiswa.

Kaola ingin memperhatikan peningkatan dalam jumlah Perbelanjaan Tahun 2017/2018 dan ke mana perbelanjaan itu diperuntukkan apabila jumlah penerima biasiswa telah dikurangkan sejak tahun lepas. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan mengenai Program Biasiswa itu. Buat pada masa ini, Program Biasiswa berjalan seperti biasa apapun pengurangan daripada penganugerahan skim biasiswa itu disebabkan *Rasionalisation* yang dibuat oleh pihak

Kementerian Pendidikan *Rasionalisation* dari segi meneliti program-program ataupun kursus-kursus yang perlu diteruskan skim biasiswa ini kerana seperti kajian yang telah pun dilihat, bahawa ada antara pelajar yang mengikuti kursus-kursus tertentu apabila balik ke Negara Brunei Darussalam, tidak mendapat pekerjaan dan ada kursus-kursus tersebut tidak diperlukan oleh kerajaan pada masa ini.

Terdapat sedikit keperluan bagi kita membuat penyelarasan program biasiswa itu dengan keperluan negara pada masa ini. Oleh yang demikian, jika terjadi pengurangan jumlah pelajar yang dianugerahkan biasiswa, itu proses kita dalam membuat penyelarasan sama ada kursus-kursus yang dipohonkan oleh pelajar-pelajar tersebut masih diperlukan dengan begitu banyak ataupun tidak. Dalam usaha ini, memanglah ada beberapa kursus yang sudah tidak ditawarkan biasiswa lagi.

Walau macam manapun, skim biasiswa masih berjalan dengan biasa dan jika masih terdapat keperluan dalam beberapa bidang, penganugerahan biasiswa akan terus ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus-kursus yang dipohonkan tersebut. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih, Yang

Berhormat Pengerusi. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*
dan salam sejahtera.

Kaola ingin merujuk Anggaran Perbelanjaan 2017/2018, Kementerian Pendidikan. Anggaran perbelanjaan biasa, Kod Akaun 003 – 004, Pemeliharaan Bangunan dan Aset Perbelanjaan termasuklah Perbelanjaan Berulang-Ulang, yang ada diperuntukkan \$1,130,076.00.

Isu yang ingin kaola sampaikan ialah mengenai bilik sembahyang. Seperti yang kita sama-sama maklum, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah pada 9 Mac 2017, sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438/2017.

Antara lain baginda menyentuh mengenai hasil kajian mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadah sembahyang dalam kalangan murid di semua peringkat persekolahan iaitu 81% murid-murid dan pelajar tidak menunaikan sembahyang secara konsisten, dan 4% pula tidak pernah menunaikan sembahyang langsung.

Sehubungan dengan itu, kaola turut sama memberikan sumbangan idea mengenyainya supaya ibadah sembahyang murid-murid dan pelajar ini terjaga dan terpelihara semasa mereka berada dalam persekolahan.

Kita perlu mengambil perhatian mengenai kemudahan tempat

sembahyang mereka seperti yang difahamkan kepada kaola bahawa murid-murid dan pelajar menunaikan sembahyang dengan menggunakan dewan atau bilik-bilik darjah. Jika sekiranya dewan sekolah digunakan oleh aktiviti lain, mereka terpaksa menggunakan bilik darjah untuk menunaikan ibadah sembahyang tersebut. Keadaan ini tidaklah dapat menjamin kebersihan dan sukar dikawal bagi memenuhi syarat sah sembahyang.

Dalam perkara ini, diusulkan supaya diberikan bilik khas untuk menunaikan sembahyang atau lebih baik lagi mendirikan surau, bagi yang belum ada dan mungkin ia akan memakan perbelanjaan yang agak besar, agar kesempurnaan ibadah sembahyang mereka terkawal dan terjaga kebersihannya.

Yang Berhormat Pengerusi. Di rumah lain pula ceritanya, kaola mengambil kesempatan memberikan nasihat kepada ibu bapa dan penjaga murid-murid dan pelajar, adalah menjadi tanggungjawab kita semua dalam memata-matai dan memastikan anak-anak kita dapat menunaikan sembahyang pada waktunya. Adalah lebih baik lagi jika sekiranya ia ditunaikan secara berjemaah, bukan sahaja melipatgandakan pahala ibadah sembahyang itu sendiri malah pada masa yang sama dapat mengeratkan ikatan hubungan kekeluargaan. Sekian disampaikan dan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat tadi atas soalan tersebut.

Yang sebenarnya, di setiap sekolah memang ada bilik khas untuk pelajar-pelajar menunaikan sembahyang dan selalunya disediakan bilik khas itu, kalau ada dewan yang kosong maka dewan itu akan digunakan dan jika tidak, bilik kelas akan disediakan dan dikhususkan untuk bilik sembahyang dan tidak diganggu oleh aktiviti yang lain.

Kebanyakannya hampir semua sekolah, mungkin ada satu atau dua buah sekolah oleh sebab keadaan ruang sekolah yang tidak mencukupi, harus berpindah-pindah. Walau macam manapun, kita telah memastikan bahawa di setiap sekolah itu disediakan bilik khas untuk pelajar-pelajar menunaikan sembahyang.

Cadangan bagi disediakan surau ataupun tempat-tempat sembahyang khas atau dibangunkan bangunan tambahan untuk tujuan ini, ia adalah satu perkara yang melibatkan perbelanjaan yang sangat besar dan ruang yang diperlukan. Perkara ini akan diteliti dari semasa ke semasa, jika ada keperluan dan peruntukan yang khas bolehkan kitani laksanakan. Cuma kaola ingin menyentuh sedikit mengenai isu sembahyang ini, memang perkara ini diambil berat oleh setiap sekolah dan pemimpin sekolah dan memanglah murid-murid itu diarahkan untuk menunaikan sembahyang apabila

waktunya dan ia tidak terlepas pandang oleh kementerian. Walau macam manapun, isu sembahyang ini satu perkara yang harus dipantau lagi dari segi penyempurnaannya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menambah sedikit di hujung soalan tadi itu, ada pandangan daripada Yang Berhormat iaitu supaya di rumah, keluarga memastikan anak-anaknya menunaikan sembahyang. Ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri supaya hasil daripada kajian yang disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438H/2017M itu, kajian yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, boleh dikatakan memang *alarming*.

Langkah awal, sebenarnya kedudukan kajian itu pada masa ini adalah lanjutan daripada kajian berkenaan dalam memikirkan masalah yang berbangkit daripada hasil penemuan daripada kajian tersebut. Salah satu daripada langkah yang akan diambil ialah untuk

memastikan sebagai pemantauan bersama dengan keluarga ini dengan memperkenalkan kad fardu sembahyang kepada murid-murid sebagaimana jua seperti kerja rumah (*homework*) yang kemudian nanti akan dilaporkan kepada guru kelas setiap hari. Maka sedemikian jugalah akan dibuat oleh Jabatan Pengajian Islam dalam perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dengan penerangan yang lanjut berkenaan dengan soalan yang dikemukakan ini. Sekarang saya mempersilakan, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Selamat pagi dan salam sejahtera.

Pada pagi ini kaola ingin menyentuh mengenai perkhidmatan guru. Seperti mana yang kita maklum bahawa guru adalah sebagai pendidik yang memainkan peranan yang penting dalam dunia pendidikan. Justeru itu, pembangunan dan perkembangan ekonomi negara akan berhasil apabila rakyatnya berpendidikan.

Oleh itu, kebajikan dan kemahiran serta produktiviti seorang guru sangat penting dalam membawa muridnya cemerlang.

Ke arah itu, Kementerian Pendidikan telah pun memperkenalkan satu Skim Perkhidmatan Guru (SPG) yang dihasratkan untuk tujuan meningkatkan lagi kemahiran dan juga sebagai perangsang kepada guru-guru untuk bekerja keras dan untuk menarik minat penuntut-penuntut untuk memasuki pekerjaan sebagai seorang pendidik (guru).

Persoalannya sukacita ingin mengetahui sejauh manakah pelaksanaan Skim Perkhidmatan Guru yang telah diluluskan pada tahun 2008 dan adakah SPG ini menyeluruh untuk semua peringkat guru?

Seterusnya sukacita juga kaola ingin mengetahui dasar Kementerian Pendidikan kerana tidak lagi mengeluarkan graduan-graduan yang benar-benar berkelulusan sebagai pendidik keluaran dari UBD. Dalam hal ini barangkali sukacita dicadangkan supaya perkara ini dibuat kajian semula iaitu sebagai langkah untuk menjadikan pelapis kepada guru-guru yang akan bersara nantinya.

Sukacita kaola ingin mengetahui dan memohon penjelasan apakah perancangan Kementerian Pendidikan untuk ke depannya terhadap Sekolah Rendah Dato Gandhi di Kampung Dato Gandhi, Mukim Kota Batu, kawasan Zon 3, yang sekian lama terbiar kosong? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut. Skim Perkhidmatan Guru (SPG) masih

ada, walaupun dari segi pengendaliannya harus dikemas kini lagi semula. Tujuan asal Skim Perkhidmatan Guru ialah bagi guru-guru yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang mengajar akan dikekalkan sebagai guru dan diberi Skim Khas untuk mereka dapat *'move-up the ladder'* dalam kerjaya mereka sebagai seorang guru.

Perkara ini masih berjalan dan kita sedang meneliti bagaimana skim SPG ini dapat diperbaiki lagi bagi memberi peluang kepada guru-guru yang menampakkan kecemerlangan dalam bidang mengajar.

Memanglah Skim Perkhidmatan Guru ini untuk semua guru yang berkelayakan di bawah Skim SPG ini. Mengenai graduan berkelulusan pendidikan tidak lagi dikeluarkan daripada UBD, sebenarnya kita masih mengeluarkan graduan, kita menawarkan *M-Teach Program (Masters of Teaching)* di UBD. Pada masa ini kita memberi fokus kepada isu *content*, seseorang guru itu.

Sebelum ia menjadi guru mestilah mempunyai *degree* dan daripada *degree* apabila sudah lengkap dengan ijazahnya dan ada pengalaman mengajar dan sebagainya ataupun jika ia memilih untuk terus membuat *M-Teach*, maka ia akan diterima untuk membuat *M-Teach* untuk menjadikan ia sebagai seorang Guru.

Dalam *Program M-Teach* diadakan berbagai-bagai kursus yang bersesuaian bagi membolehkan seseorang itu menjadi guru. Jadi tidak ada timbul isu yang guru tidak lagi dikeluarkan dari UBD. Walau macam manapun, pihak

Institut Pengajian Sultan Hassanah Bolkihah (*Institute of Education*) akan mengkaji perkara ini dan jika bersesuaian, mungkin akan diadakan kursus-kursus yang menepati keperluan negara dalam bidang perguruan ini.

Buat masa ini kita hanya mengadakan *Program M-Teach* dan program-program diploma tidak lagi diadakan. Walau macam manapun, perkara ini akan dilihat dari segi keperluan yang ada pada masa akan datang.

Mengenai rancangan tentang Sekolah Rendah Dato Gandhi ini keadaannya masih belum dapat diperbaiki lagi, apa yang dapat dilihat ialah walaupun bangunan ini masih selamat tetapi kawasan lokasi sekolah tersebut tidak selamat yang boleh mendatangkan bahaya kepada bangunan sekolah tersebut. Penuntut telah dipindah ke Sekolah Rendah Pintu Malim yang mempunyai blok tambahan.

Pada masa ini usaha bagi mengusahakan agar kawasan Sekolah Rendah Dato Gandhi itu akan dapat diperbaiki seperti lereng bukit dan sebagainya. Jika keadaan itu sudah dipastikan selamat, mungkin Sekolah Rendah Dato Gandhi itu akan digunakan semula sebagai sebuah sekolah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Putera Maharaja Dato Paduka
Awang Haji Abdul Ghani bin
Pehin Datu Pekerma Dewa Dato
Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا، وَعَافِيَةِ الْأَبْدَانِ
وَشِفَائِهَا، وَنُورِ الْأَبْصَارِ وَضِيَاءِهَا، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba meneliti Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pendidikan, tetapi kaola tidak berjumpa satu peruntukan yang mengkhususkan kepada aktiviti perkembangan penerapan jati diri ataupun penerapan nilai jati diri bangsa. Kaola percaya dengan peribahasa menyatakan 'Melentur buluh itu adalah semasa rebungnya'. Kaola tidak pasti sama ada pertanyaan ataupun usul yang akan kaola bentangkan ini kena-mengena dengan Kementerian Pendidikan sahaja ataupun kemungkinan ia satu usulan yang memerlukan gabungan kolaborasi dari kementerian-kementerian lain, kerana isu penerapan nilai jati diri bangsa ini memerlukan semua kementerian bekerjasama.

Apa yang kaola maksudkan ialah akhir-akhir ini ketara sangat yang kita telah dilanda oleh sesuatu yang dipanggil penggunaan bahasa *Rojak*. Maksud kaola, kita sebagai orang Melayu pun jarang menggunakan bahasa Melayu secara teratur, malah dalam apa bidang sekalipun banyak digunakan bahasa *Rojak* ini dalam majlis-majlis, di siaran-siaran radio dan televisyen dan sebagainya.

Kaola ingin mencadangkan supaya diadakan satu Peruntukan Khas di sekolah-sekolah bermula dari sekolah rendah, agar dapat diadakan projek-projek memperkasakan dan memartabatkan Bahasa Melayu dan meletakkan ia ditempatnya yang khusus sesuai dengan Bahasa Melayu itu sebagai Bahasa Rasmi Negara.

Hal ini bukan sahaja dalam bentuk penubuhan kelab-kelab di sekolah-sekolah, tetapi juga dilartakan dengan menjadikan ia Agenda Kebangsaan yang lebih besar dengan kerjasama semua pihak seperti halnya dulu-dulunya diadakan Bulan Bahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi apa salahnya kitani mengadakan juga Bulan Berbahasa Melayu sebagai kempen-kempen tertentu dan agenda nasional. Mudah-mudahan perkara itu akan dapat menjadikan kita bangsa yang menyayangi dan mencintai bahasanya.

Dalam hal ini kaola juga ingin menyarankan supaya diterapkan nilai-nilai bahasa itu bukan hanya dari segi nahunya sahaja tetapi juga kecintaan penuntut-penuntut, pelajar-pelajar itu kepada khazanah kesusasteraan dan budayanya sendiri. Seheinggakan kaola sendiri ada menjumpai orang kitani masih belum dapat membezakan apa dia pantun, apa dia syair. Malah dikatakan mereka itu adalah sajak. Maka kaola merasakan itu adalah satu kerugian kepada bangsa kitani kerana ia merupakan khazanah negara kitani.

Sehubungan dengan itu, soalan kedua kaola ialah supaya diketarakan penggunaan tulisan Jawi di sekolah-

sekolah. Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya sejauh manakah perkembangan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah-sekolah?

Apa yang kaola dengar dan dapati ialah terdapat penuntut-penuntut yang keliru dengan ejaan-ejaan yang berbeza. Ada tiga versi ejaan sekarang ini iaitu Ejaan Versi Kementerian Pendidikan, Ejaan Versi Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Ejaan Versi Jabatan Adat Istiadat.

Sebenarnya dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah supaya perkara ini diselaraskan dan diselesaikan dengan baik. Untuk itu bagi yang kena-mengena dengan sekolah ataupun Kementerian Pendidikan, kaola sarankan apa salahnya kita memartabatkan tulisan Jawi ini di sekolah-sekolah dengan menulis slogan-slogan dalam tulisan Jawi. Pada masa ini kaola perhatikan banyak ditulis dalam bahasa Inggeris bukan dalam tulisan Jawi. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat penerangan atas soalan tersebut. Sebenarnya perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti jati diri bangsa dan penggunaan bahasa Melayu misalannya ada disediakan di bawah Tajuk 007/005 iaitu di bawah Jabatan Kokurikulum di bawah Tajuk itulah aktiviti-aktiviti seperti ini dikendalikan. Banyak tujuannya antaranya ialah memartabatkan ejaan bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, mungkin dari segi pengendalian kursus-kursus ataupun dari segi pengendalian aktiviti-aktiviti tersebut perlu kitani lihat lagi dan dirancarkan sebagaimana cadangan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diteliti oleh pihak Jabatan Kokurikulum untuk menambah lagi program-program yang berhubung kait dengan penerangan ataupun mengenai jati diri bangsa ini.

Mengenai penggunaan tulisan Jawi memanglah penggunaan tulisan Jawi ini akan ada jawatankuasanya yang telah pun bersidang sekian lama untuk menentukan penyatuan dari segi ejaan penggunaan tulisan Jawi ini.

Perkara ini mungkin rakan kaola yang lain boleh menjawab mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, cadangan daripada Yang Berhormat mengenai memartabatkan tulisan Jawi di sekolah-sekolah, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan kitani lihat dan di mana tempat yang bersesuaian untuk kitani menggunakan tulisan Jawi akan kitani gunakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Kaola ingin menambah mengenai tulisan Jawi ini, akan menghitung berapa versi tulisan Jawi yang ada pada masa ini. Kaola pun tidak pasti Yang Berhormat tetapi yang pastinya ada berbagai-bagai versi tulisan Jawi dan mengelirukan kitani sendiri sebagai pengguna. Memanglah ada langkah untuk cuba menyelesaikan perkara ini. Faktor-faktor yang kitani lihat ialah selain Brunei sebagai pengguna tulisan Jawi yang aktif dan juga di

Malaysia. Penerbitan ejaannya pun juga mengelirukan kitani.

Masalahnya bukan tidak mendaulatkan negeri ini atau tidak mengutamakan tetapi kitani mesti berhadapan dengan kenyataan bahawa sebanyak mana penggunaan ejaan Jawi ini dalam masyarakat kitani. Itu yang akan kitani lihat. Mengapa ia kurang digunakan adalah masalah praktikal dan realistik. Umpamanya mata pelajaran agama sendiri sahaja, hanya Jabatan Pengajian Islam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai buku-buku pelajaran sekolah agama itu dalam tulisan Jawi. Sementara pelajaran mata pelajaran *Islamic Religious Knowledge (IRK)* dalam tulisan Rumi dan begitulah juga ilmu agama pada masa ini tidak ditulis dalam tulisan Jawi kerana masalah-masalah praktikal dan bukannya tidak mengutamakan tetapi ialah bagaimana ilmu itu segera dan cepat disebarkan kepada umum.

Fungsi pembacaan tentu sekali dengan pembacaan-pembacaan dalam penerbitan Rumi. Inilah masalah yang kitani hadapi. Masalah ini bukan masalah yang ringan tetapi satu perkara untuk menyatukan ejaan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diusahakan.

Kitani adalah pengguna tulisan Jawi dan kitani mampu untuk menerbitkan penerbitan yang kitani perlukan mengikut ejaan yang *standard* untuk Brunei seperti mana yang disebutkan oleh rakan kaola tadi terdapat jawatankuasa khusus untuk mengatasi masalah ini. Mudah-mudahan

jawatankuasa berkenaan akan serius menyelesaikan masalah ini.

Kalau Kementerian Hal Ehwal Ugama menyokong sepenuhnya untuk mempertahankan mana-mana ejaan Jawi yang menghendaki ataupun ada menyatakan perkara-perkara agama tidaklah boleh dieja berdasarkan jawi yang di terjemahkan Rumi macam fardhu tetap 'dhod' tidak boleh 'dal'. Fardhu (dieja) seperti itulah macam Isya ada 'ain' nya ada 'hamzah'nya di ujung.

Jadi hal-hal sedemikian ini, belum ada kesepakatan di antara kita dan mudah-mudahan kesepakatan itu akan ada.

Kementerian Hal Ehwal Ugama, secara sepihak sahaja mengadakan perkara ini Yang Berhormat Pengerusi, tidak realistik untuk negara. Jadi kerana itulah kita terpaksa berhati-hati dalam perkara ini.

1. Penyebaran ilmu mesti terus berlangsung secepat mana yang mungkin dan pendaulatan jawi kita teruskan dan ia mesti serentak juga dengan ia dipelajari kerana sekarang ini pun tanda-tanda perniagaan dan sebagainya semua ditulis dalam rumi dan jawi, tetapi penggunaannya sejauh mana kedai-kedai, gedung-gedung perniagaan, kenderaan-kenderaan yang dipunyai oleh orang kita atau bukan orang kita, siapa saja yang dapat membaca itu adalah keperluan aturan-aturan sahaja tetapi bukan keperluan untuk ia sebenar-benarnya ia dibaca. Tetapi itu melambangkan usaha kita mendaulatkannya akan berterusan. Insya-Allah Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat kedua-dua Menteri yang berkenaan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Mumin:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mohon bagi menghadapi persoalan dalam Tajuk SF01A- Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Pengerusi. Biasanya sesebuah negara akan dikenali di mata dunia antarabangsa. Antara lain melalui perwakilan-perwakilan dan delegasi-delegasi Negara Brunei Darussalam ke luar negeri dalam acara-acara yang khusus dan tertentu juga melalui penyertaan sukan dan olahraga peringkat serantau dan antarabangsa dan melalui persembahan-persembahan seni budaya di luar negara kerana mengiringi rombongan bagi memberi bayangan dan gambaran negara yang dicintai melalui seni budaya bangsa.

Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Pendidikan telah berhasil dengan jayanya. Berjaya mendirikan berbagai-bagai sekolah sehingga ke peringkat pengajian-pengajian tertinggi. Dalam berbagai-bagai jurusan yang amat membanggakan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sejak pendidikan formal di Negara Brunei Darussalam bermula pada tahun 1912, iaitu kira-kira lebih 100 tahun yang lalu, kaola mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah

kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Persoalan daripada kaola ialah adakah Kementerian Pendidikan akan merancang bagi mendirikan sebuah Sekolah Akedemi Kebudayaan, atau Sekolah Seni Budaya Negara Brunei Darussalam yang mengkaji dan mengajarkan kursus hal ehwal seni budaya Negara Brunei Darussalam dan yang wajar dijadikan pokok utama pelajaran baik merupakan ilmu akedemik mahupun amali sebagai sandaran bagi mewujudkan Sekolah Seni Budaya?

Pada hemah kaola, Sekolah Seni Budaya ini sebagai tempat himpunan khazanah budaya dan pakar-pakar kebudayaan bangsa serta pewaris bangsa Negara Brunei Darussalam. Ini mungkin merupakan sekolah baharu yang boleh dirancang untuk diwujudkan. Ini sebagai pandangan jauh ke hadapan dalam jurusan seribu daya bangsa dari peringkat asas hinggalah nanti membawa ke peringkat pengajian tinggi. Yang Berhormat Pengerusi. Sekian sahaja dan kaola merakamkan ucapan ribuan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat, atas perkara yang ditimbulkan iaitu mengenai Akademi Kebudayaan Kebangsaan. Pada masa ini, memang tidak ada perancangan untuk menubuhkan satu Akademi kebudayaan. Walau bagaimanapun, dari segi seni budaya ini, memang

diserapkan di sekolah-sekolah untuk melaksanakannya.

Setiap sekolah memang bergiat aktif dalam seni budaya ini. Walaupun, tidak ke peringkat *national* misalnya tetapi di peringkat sekolah yang dari semasa ke semasa juga diadakan pertandingan seperti tarian budaya asli Brunei dan sebagainya. Secara ringkasnya untuk menjawab, buat pada masa ini tidak ada rancangan untuk menubuhkan Akademi Kebudayaan Kebangsaan ini. Walau bagaimanapun, seni budaya masih dilaksanakan di sekolah-sekolah. Pihak Kementerian Pendidikan mengambil baik akan cadangan tersebut dan insya-Allah jika berketepatan dengan keperluan dan perkembangan seterusnya, perkara ini akan diteliti untuk diusahakan jika diperlukan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
الَّتَقَامَ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

dan Salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Khamis yang lalu.

Kaola wakil Daerah Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri, ingin menyentuh Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. Kaola melihat dalam Anggaran Hasil dan

Perbelanjaan Negara 2017/2018 dalam kod akaun K23118, nampaknya tidak ada perbelanjaan yang diberikan untuk pembinaan sekolah rendah untuk di RPN Kampung Meragang dan RPN Kampung Mengkubau, Panchor.

Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk menyediakan peruntukan untuk pembinaan sekolah rendah di kampung-kampung yang berkenaan atas sebab keperluan dan kemudahan untuk penduduk di kampung berkenaan.

Oleh itu, kaola ingin bertanya apakah Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk membina sekolah rendah terutama di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau Panchur. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Sebenarnya, dalam perancangan kita dari masa ke masa akan membina sekolah sama ada sekolah menengah atau rendah di mana jua jika dipastikan pembangunan sekolah itu perlu bagi menampung keperluan di kawasan tersebut.

Bagi Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung

Mengkubau Panchur. Mengikut kajian Kementerian Pendidikan keramaian penduduk di sana dan terdapatnya beberapa sekolah rendah kawasan yang berhampiran buat masa ini tidaklah perlu untuk kita menyediakan sekolah rendah di kawasan tersebut. Sekolah-sekolah yang lain di kawasan yang berdekatan masih mampu untuk menerima pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau. Dari segi akses ke sekolah-sekolah tersebut pun tidak begitu menyulitkan dalam kajian Kementerian Pendidikan bagi pelajar-pelajar tersebut untuk bersekolah di kawasan yang berhampiran.

Walau bagaimanapun, sebagai satu perancangan akan datang memanglah keperluan ini akan dikaji dari masa ke masa dan jika ada terdapat keperluan dan jika terdapatnya pelajar ataupun penduduk yang sudah bertambah dan kesempatan di sekolah yang berhampiran, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan kita bangun juga sekolah di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau Panchur.

Yang sebenarnya tapak bagi sekolah-sekolah tersebut telah pun ada, cuma keperluan itu belum ada pada masa ini sehinggalah satu hari nanti akan kita bangunkan seperti yang diperlukan masyarakat di kawasan Rancangan Perumahan Negara Negara di kampung tersebut. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merasa puas hati dengan mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 Tajuk SF01A - Pendidikan. Kaola menyokong sepenuhnya atas perbelanjaan tersebut dan juga menyokong semua usaha pihak kementerian dalam memantapkan taraf pendidikan negara ini. Diharapkan Kementerian Pendidikan mencapai peningkatan yang positif dan semua perbelanjaan dapat digunakan secara berhemah, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin meminta penjelasan dan pandangan sewajarnya terutama sekali dalam usaha Kementerian Pendidikan memartabatkan konsep Melayu Islam Beraja di negara ini termasuklah dengan sejarah dan penghayatan Melayu Islam Beraja dan membudayakan Bahasa Melayu di sekolah:-

1. Mengikut sejarah pada awalnya mana-mana sekolah Melayu di Negara Brunei Darussalam dinamakan dengan nama Sekolah Melayu dan kini diubah ke Sekolah Rendah. Perkataan

Melayu nampaknya tidak lagi digunakan. Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya sejak bilakah perubahan ini berlaku dan apakah sebab-sebabnya ianya berlaku?; dan

2. Hendaklah kita membudayakan penggunaan bahasa Melayu khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah dan juga masyarakat Brunei amnya agar sering berbahasa Melayu. Kaola menyarankan satu pendekatan perlu dilaksanakan agar bahasa Melayu diperkasakan ini secara meluas terutama sekali dalam kalangan penuntut sekolah termasuklah mengadakan program aktiviti tambahan yang memperluaskan kepada penggunaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Umpamanya Kempen Cintai Bahasa Melayu dengan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dan dalam perbincangan, penulisan dan ditemu bual Televisyen Brunei atau melalui radio hendaklah menggunakan bahasa Melayu.

Itulah sahaja soalan daripada kaola. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut. Soalan yang kedua belum dapat dijawab mengenai perkataan Melayu yang tidak digunakan di sekolah-sekolah rendah. Barangkali dipohonkan waktu untuk mengkaji semula apa

ceritanya iaitu sejak bila perkataan Melayu tidak disebut di sekolah-sekolah.

Mengenai memartabatkan sistem Melayu Islam Beraja ini. Ingin dijelaskan bahawa kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan mengenai penghayatan Melayu Islam Beraja dalam kalangan sekolah rendah dan menengah di Negara Brunei Darussalam telah pun dijalankan pada Februari 2014 sehingga Disember 2015 dengan kerjasama Jabatan Kokurikulum dengan tujuan untuk Kementerian Pendidikan memberikan maklumat *baseline* mengenai situasi sebenar impak pendidikan Melayu Islam Beraja yang telah dilaksanakan sejak tahun 1991, iaitu untuk mengetahui kedudukan sebenar keberkesanan, penghayatan pendidikan Melayu Islam Beraja kepada pelajar-pelajar sekolah menengah senegara dari segi pengetahuan, kefahaman, penghayatan dan amalan kehidupan seharian.

Untuk mengenal pasti langkah-langkah dan saranan terbaik keterangan bagi meningkatkan lagi Melayu Islam Beraja, hasil dari kajian tersebut 66.5% pelajar menengah mengetahui, memahami, mengamalkan dan menghayati Melayu Islam Beraja yang dipelajari dari peringkat mengukuhkan keberkesanan asas daripada Tahun 1 hingga Tahun 6.

Sementara di universiti pula, MIB telah dijadikan sebagai *module* wajib universiti. Para mahasiswa-mahasiswi diwajibkan untuk lulus sebelum mereka boleh diberikan sijil atau ijazah. Nilai-nilai dan *module* khas Melayu Islam Beraja di

UBD malah juga melalui peraturan UBD secara amnya mengambil kira nilai-nilai MIB.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ *module* dan penerapan MIB di universiti diterima dan disambut baik oleh seluruh warga UBD. Dalam hal ini seperti yang dijelaskan semasa disoal oleh Ahli Yang Berhormat awal tadi, memanglah dalam isu MIB ini kita tidak mengambil ringan dan pihak Kementerian Pendidikan sejak dari dulu telah pun mengenalkan subjek MIB ini di sekolah rendah dan menengah hinggalah ke hari ini.

Memanglah kita sentiasa memartabatkan sistem MIB ini dalam kalangan pelajar sekolah. Mengenai membudayakan bahasa Melayu, perkara ini juga satu perkara yang wajib diadakan di semua sekolah dan bagi semua pelajar yang akan menduduki pengajian di peringkat atas misalannya dikehendaki untuk lulus dalam subjek Bahasa Melayu. Perkara ini masih berjalan hingga sekarang. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu mempunyai tempatnya dalam pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Sekian sahaja jawapan yang dapat diberikan Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawabkan oleh menteri-menteri yang berkenaan terutamanya Menteri Pendidikan. Saya masih lagi ada beberapa orang Ahli Yang

Berhormat yang suka untuk menimbulkan soalan-soalan tambahan. Tetapi walau macam manapun, bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk berehat sebentar, maka kita pun turut berehat juga selama 20 minit **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan menyambung persidangan dalam Jawatankuasa ini.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis masih bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebagaimana yang kita ketahui mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan sebentar tadi, masih lagi membahaskan dan membincangkan Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, sebelum kita meneruskan untuk membahaskan seterusnya Tajuk Kementerian Pendidikan ini saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: أَسْتَغْفِرُكُمْ وَعِزَّةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin untuk menjelaskan persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh pada Khamis petang yang telah terlepas peluang menurut Yang

Berhormat untuk menyampaikan soalan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan telah membawa persoalan mengenai hasrat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, ibu bapa dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan mengenai permohonan bagi pengecualian Cukai Pintu tahunan. Kaola sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas soalan ini.

Sebenarnya menurut Akta Lembaga Bandaran Penggal 57, ada peruntukan bahawa pengecualian cukai bangunan boleh dipertimbangkan jika ia memenuhi peruntukan Bab 13 dan Bab 14. Bab 13 itu ada menyatakan pengecualian itu boleh dibuat dalam *translation* bahasa Melayunya semata-mata bagi sekolah awam (*public school*) atau bagi maksud-maksud dermawan dalam bahasa Inggerisnya *Purchasable Purposes*.

Oleh yang demikian dalam konteks Bab 13 ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan meneliti kedudukan permohonan pihak Lembaga dan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan ini berasaskan penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh bahawa Sekolah Menengah Chung Hwa adalah institusi pendidikan yang tidak mengutamakan keuntungan ataupun *non-profit making organization* dan juga sekolah ini mengambil inisiatif dan berbagai-bagai usaha untuk mencari sumber kewangan lain seperti sumbangan lain dan derma orang ramai bagi menampung perbelanjaan operasi

sekolah. Jadi itu sahaja barangkali yang dapat kaola sampaikan melalui majlis ini. Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas penerangan mengenai perkara yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh. Untuk meneruskan perbincangan kita, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman untuk mengemukakan soalan tambahannya.

Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi terima kasih kerana mengizinkan kaola untuk menyampaikan satu pandangan. الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola amat menghargai mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Pendidikan dan pembangunan adalah antara tulang belakang sebuah negara. Negara tidak boleh mencapai pembangunan ekonomi yang mapan tanpa pelaburan yang besar dalam model insan. Kaola ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran dua malam yang lalu:-

"Guru dan sistem adalah ibarat acuan. Sementara murid dan pelajar pula adalah hasil dari acuan itu. Kalau acuan itu bagus tentu sahaja apa yang terhasil akan pasti bagus

juga. Kalau guru lemah dan sistem pincang, maka murid dan pelajar pasti juga mengikut lemah dan pincang. Kerana itu janganlah diabai sama sekali faktor guru dan sistem kerana kalau berlaku kelemahan maka segeralah memeriksa guru dan sistem, bukannya menyalahkan murid dan pelajar."

Kaola ingin mengimbas semula peruntukan. Kalau dilihat dari 2015, peruntukan bagi Kementerian Pendidikan dan sehingga sekarang 2017 ke 2018 ada penurunan sebanyak \$82 juta. Kalau dilihat dari Peruntukan Berulang-Ulang dari 2015 sehinggalah 2017 ke 2018 ia menurun sebanyak \$82 juta.

Kaola melihat Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, bagi tahun diluluskan 2016/2017 adalah sebanyak \$2,818,000.00 manakala tahun ini menurun sebanyak \$761,830.00, iaitu penurunan sebanyak 2 juta bagi Perkembangan Sumber Tenaga Manusia. Kaola memohon agar Kementerian Pendidikan akan dapat menyemak semula bajet untuk Perkembangan Sumber Tenaga Manusia. Yang Berhormat Pengerusi, sekiranya peruntukan tidak mencukupi, bolehkah dipoho penambahan peruntukan bagi B00900 Perkembangan Sumber Tenaga Manusia?, sekian disampaikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut dan pandangan ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Sebelum kaola menjawab soalan tersebut, izinkan kaola untuk menjawab soalan yang sebelum ini iaitu daripada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung mengenai kedudukan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Kaola ingin mengongsikan sedikit mengenai pencapaian pelajar-pelajar dalam subjek Bahasa Melayu ini. Misalnya dalam PSR bagi tahun 2014 pencapaian pelajar ialah 93.24%, tahun 2015 - 95.38% sementara bagi tahun 2016 - 93.26%. Begitu juga di peringkat *GCE 'O' Level* keputusan subjek Bahasa Melayu yang memperolehi Gred 'A' atau 'C' ialah 70.35%. Ini bagi mengesahkan bahawa subjek Bahasa Melayu tidak ketinggalan malah semakin kuat dalam pendidikan di sekolah-sekolah rendah ataupun menengah. Usaha berterusan akan diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan subjek Bahasa Melayu masih kuat atau pencapaian pelajar-pelajar masih tinggi dalam subjek Bahasa Melayu.

Sebenarnya pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Melayu lebih baik daripada subjek Bahasa Inggeris. Walaupun sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi bahawa perkataan Melayu tidak lagi digunakan di sekolah. Perkara ini sejak 1984-1985 kita mengenakan dasar *bilingual* atau dwibahasa. Penggunaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Bahasa Melayu itu sudah ketinggalan dari segi bahasa-bahasa lain. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita

masih mempertahankan subjek Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Sekarang untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Siti Roazimeriyanti binti Dato Seri Seri Laila jasa Haji Abdul Rahman mengenai guru. Peruntukan dan sebagainya. Kita menyambut baik Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai sistem pendidikan yang sewajarnya mementingkan guru dan sistem agar berjalan dengan baik dan akan memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelajar-pelajar kitani. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diteliti di Kementerian Pendidikan, jika sekiranya terdapat kelemahan sama ada di pihak guru ataupun perkara itu akan dikaji dan akan diperbaiki.

Mengenai cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat berhubung peruntukan Kementerian Pendidikan, memanglah terdapat penurunan peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Walau macam manapun, peruntukan ini telah pun dibincangkan antara Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Kewangan. Apa pun penurunan peruntukan itu adalah hasil daripada perbincangan dan perbincangan itu mengambil kira supaya perkhidmatan pendidikan tidak terjejas dengan penurunan peruntukan tersebut.

Mana-mana peruntukan yang perlu ditambah, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara itu akan dipohonkan kepada Kementerian Kewangan dan seperti mana yang difahami perkara ini juga akan mendapat

pertimbangan sewajarnya dari Kementerian Kewangan. Walau macam manapun, pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan isu peruntukan ini yang memanglah ada penurunan tetapi penurunan tersebut dengan usaha yang dibuat oleh kementerian dengan kerjasama Kementerian Kewangan tidak akan menjejaskan perkhidmatan pendidikan di negara ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin menambah mengenai pendidikan awal kanak-kanak. Pada tahun 2015, pihak kementerian ada menyebut tentang perancangan bagi pendidikan awal kanak-kanak di bawah 5 tahun. Kaola ingin mengetahui apakah perkembangan atau progres Penggubalan Dasar Pemedulian Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di bawah Kementerian Pendidikan. Kualiti Perkhidmatan Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak bergantung pada sistem ataupun platform yang disediakan oleh kementerian? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut. Sebenarnya pihak Kementerian sedang meneliti pendidikan awal kanak-kanak ini untuk memperkenalkannya. Memang sudah ada beberapa buah sekolah yang terdapat prasekolah tetapi kita akan melaratkannya kepada beberapa banyak lagi sekolah untuk mengadakan pendidikan awal ini.

Cuma, beberapa isu yang harus ditangani, seperti dari segi guru-guru yang akan membimbing kanak-kanak ini, jika pendidikan awal ini kita laratkan kepada banyak sekolah lagi.

Dari segi prasarana, yang akan melibatkan peruntukan yang khas untuk membina atau menambah sekolah-sekolah bagi menampung keperluan pendidikan awal ini. Walau macam manapun, pihak Kementerian Pendidikan menyedari bahawa pendidikan awal ini dapat menyumbang kepada pembangunan minda seseorang kanak-kanak itu apabila ia bersekolah. Kita dapati terdapat jarak antara kanak-kanak yang melalui pendidikan awal ini dengan kanak-kanak yang tidak melalui pendidikan awal ini.

Jadi, pihak Kementerian Pendidikan cuba berusaha untuk mengurangkan jurang antara kanak-kanak tersebut. Dalam usaha itu, kita meneliti sama ada pendidikan awal ini dapat dilaratkan kepada semua sekolah dan perkara ini sedang dalam pengkajian aktif oleh pihak

kementerian dan akan dilaksanakan secepat mungkin. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun membincangkan dengan panjang lebar Rang Belanjawan Kementerian Pendidikan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun menyuarakan soalan masing-masing yang telah pun dijawab dengan penuh terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri disebabkan mereka juga sangat prihatin mengenai soalan-soalan yang dikemukakan.

Sekiranya tidak dapat dijawab secara spontan pada waktu disoal, mereka mengambil kesempatan untuk mengulang semula, menjawab soalan-soalan yang berkenaan itu, memberikan penerangan yang sepenuhnya sebagaimana yang diminta atau dituntut Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka, saya berpendapat cukuplah sudah perbincangan kita mengenai Belanjawan Kementerian Pendidikan ini dan sekarang perkara ini akan kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya tidak ada yang menentang, maka Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang mula untuk membincangkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya sukacita mempersilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan mukadimah mengenai Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
 رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
 وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَنْفَعُوا قَوْلِي .

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**
 Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas kebijaksanaan Yang Berhormat membentangkan cadangan

Peruntukan Belanjawan 2017/2018 bagi negara amnya dan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan khususnya iaitu dengan mengambil kira jua cabaran-cabaran fizikal yang kita hadapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini berikutan keadaan harga minyak mentah dunia yang rendah.

Sebelum kita membincangkan berkenaan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2017/2018, kaola sukacita ingin mengongsikan beberapa perkara utama yang menjadi asas kepada permohonan peruntukan kementerian ini. بِسْمِ اللَّهِ berikutan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan secara rasminya telah melancarkan dan memberigakan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2016-2020. Merujuk Pelan Strategik ini, Visi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ialah "Ke Arah Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sehingga mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi demi mencapai Wawasan Brunei 2035".

Sementara Misi Kementerian pula ialah "Menerajui Pertumbuhan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan keluaran dalam negara

kasar *KDNK* dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara dan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti penggunaan teknologi tinggi serta memfokus kepada pasaran eksport". Pelan Strategik ini juga telah menggariskan program-program dan perancangan-perancangan utama yang akan dilaksanakan dengan sasaran-sasaran dan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau *KPI* yang hendak dipantau dan dicapai oleh pihak Kementerian ini bersama pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan.

Bercakap mengenai penunjuk Prestasi Utama *KPI* keluaran sektor pertanian, perikanan dan perhutanan yang bernilai lebih kurang \$500 juta pada tahun 2015, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan disasarkan untuk meningkat kepada \$1.8 bilion menjelang tahun 2020 iaitu pertambahan lebih tiga kali ganda. Ini bererti *KDNK* sektor pertanian, perikanan dan perhutanan juga **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan meningkat dari kurang dari \$200 juta pada tahun 2015, kepada sekitar \$1 bilion menjelang tahun 2020. Dari segi sumbangan kepada *KDNK*, sektor pertanian, perikanan dan perhutanan dijangka akan menyumbang 4% ke 5% *KDNK* pada tahun 2020 berbanding hanya sekitar 1% *KDNK* pada tahun 2015. Kementerian ini juga mempunyai sasaran menjelang tahun 2020, sektor sumber-sumber utama dan pelancongan secara keseluruhannya berpotensi untuk menjana sekitar 4,000 peluang pekerjaan baharu.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam keinginan kita mempertingkatkan pertumbuhan keluaran, Kementerian ini

akan berusaha memikirkan dan mencari jalan bagaimana untuk mengurangkan pergantungan pada sumber kewangan kerajaan. Satu cara ataupun kaedah yang telah sedang dan akan diusahakan oleh Kementerian ini ialah dengan menggalakkan penyertaan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara melalui perkongsian awam swasta ataupun *public private partnership (PPP)*.

Selaras dengan itu, Kementerian ini telah menawarkan kawasan-kawasan kemajuan pertanian (*KKP*) yang mempunyai infrastruktur yang lengkap atau separuh lengkap seperti *KKP* Tungku, *KKP* Kilanas, *KKP* Sinaut, *KKP* Batang Mitus dan *KKP* Birau kepada peladang-peladang pertanian dan penternakan yang benar-benar serius dan berdaya maju.

Bagi aktiviti perikanan, Kementerian ini telah menawarkan kawasan-kawasan perikanan iaitu Kampung Sungai Paku, Kampung Keramat dan Sungai Penyatang di Daerah Tutong dan Pangkalan Sibabau, Kampung Serasa dan Kampung Meragang di Daerah Brunei Muara bagi kegiatan penetasan (*hatchery*), semaian (*nursery*) dan ternakan ikan dan udang. Kawasan-kawasan perairan Tanjung Pelumpong di Kuala Sungai Brunei dan kawasan-kawasan perairan Pulau Pulong-Pulongan bagi pemeliharaan berbagai-bagai jenis ikan menggunakan sangkar dan kawasan Sungai Jambu di Kampong Katok bagi pemeliharaan ikan hiasan, penternakan ikan menggunakan teknologi ternakan ikan bertingkat ataupun *vertical fish farming*.

Setakat ini Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, telah membukakan tawaran bagi sebanyak 23 buah projek pertanian, perikanan dan pelancongan melalui *request for proposal*. Pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha yang berminat antaranya dikehendaki menghadapkan cadangan perusahaan ataupun *business plan* dan bersedia untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama *KPI* yang telah ditetapkan.

Untuk makluman selanjutnya, terdapat sebilangan projek yang ditawarkan melalui *RAP* ini telah pun diberikan kepada pemohon-pemohon yang berjaya dan telah pun mula beroperasi yang dijangka akan mengeluarkan dan mengeksport hasil produk mereka pada tahun ini. Sebilangan projek adalah dalam peringkat penilaian sementara sebahagiannya lagi masih dibukakan. Sebagai formaliti, pelabur-pelabur asing yang berkeelayakan dan terpilih dalam sektor pertanian dan perikanan akan diberi mandat untuk melabur di kawasan-kawasan yang dikenal pasti setelah mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola mengongsikan serba sedikit perkembangan mengenai dengan beberapa buah projek perikanan yang sedang diusahakan melalui pendekatan Pelaburan Langsung Asing *KPI* dan Usahasama (*JV*) seperti yang berikut:-

1. *Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sdn. Bhd.* telah ditawarkan untuk mengusahakan ternakan ikan

pompano dalam sangkar luar pantai di Pulau Pulong-pilongan seluas 2,000 hektar. Syarikat ini telah mula beroperasi dan sasaran ialah untuk mengeluarkan kira-kira sebanyak 20,000 tan metrik ikan *pompano* yang bernilai \$105 juta setahun sebelum tahun 2020 nanti;

2. *Syarikat KR Apollo Sdn. Bhd.* telah ditawarkan tapak seluas lebih 12 hektar bertempat di Sungai Jambu untuk mengusahakan pengeluaran ikan hiasan dan *food fish* melalui penggunaan teknologi ternakan ikan bertingkat, sasaran adalah untuk mengeluarkan sebanyak 84 juta ekor ikan hiasan dan sebanyak 5,000 tan metrik ikan ternakan dengan nilai eksport dianggarkan mencecah \$35 juta setahun sebelum tahun 2020;

3. *Syarikat Nur Nabai Sdn. Bhd.* telah ditawarkan tapak seluas 6 hektar bagi mengusahakan ternakan ikan kerapu dalam sangkar persisiran pantai di kawasan Tanjong Pelumpong dengan sasaran pengeluaran sebanyak 2,000 tan metrik dan bernilai \$30 juta setahun sebelum tahun 2020. Melalui urus niaga perladangan berkontrak (*contract farming*), syarikat ini akan membekalkan anak-anak ikan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan seterusnya akan membeli semula ikan-ikan kerapu yang sudah dewasa untuk dieksport ke luar negara;

4. *Syarikat Golden Corporation* telah ditawarkan tapak-tapak ternakan udang seluas 200 hektar di Sungai Penyatang, Daerah Tutong yang mana dijangka akan membuat pungutan hasil yang pertama pada hujung bulan ini. Tapak ini dijangka menghasilkan kira-kira 4,500 tan metrik udang laut dengan jangkakan nilai \$48 juta setahun sebelum tahun 2020. Syarikat ini juga mengusahakan aktiviti penangkapan ikan dan kilang pemprosesan yang mana pada keseluruhannya syarikat ini mensasarkan jumlah keluaran bernilai \$100 juta setahun pada tahun 2020; dan
5. Syarikat Yamako Pacific (B) Sdn Bhd telah diberikan kebenaran bagi mengusahakan kilang pemprosesan ikan tuna untuk dieksport ke negara Jepun. Projek ini melibatkan aktiviti penangkapan ikan tuna di laut dalam zon 4 dengan menggunakan 6 buah kapal, yang mana hasil tangkapan ikan tuna ini akan diproses di kilang pemprosesan. Syarikat Yamako Pacific (B) Sdn Bhd mensasarkan pengeluaran sebanyak 10,000 tan metrik ikan tuna. Dari hasil tangkapan dan 3,600 tan metrik ikan tuna berproses setahun pada tahun 2020 yang keseluruhannya bernilai kira-kira \$100 juta.

Yang Berhormat Pengerusi, menyentuh peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Kaola

ingin seterusnya menjelaskan bahawa jumlah peruntukan yang disokong adalah seperti berikut:-

1. Perbelanjaan Tahunan yang disokong sebanyak \$51,541,900.00 yang mana sebanyak \$32,733,670.00 adalah bagi bayaran Gaji Kakitangan; dan sebanyak \$18,808,230.00 adalah bagi Perbelanjaan Berulang-ulang; dan
2. Perbelanjaan Kemajuan adalah sebanyak \$7,087,150.00.

Sebagaimana yang dimaklumi tahun ini tiada peruntukan tahunan yang dikhususkan sebagai Perbelanjaan Khas. Dalam hal ini, perbelanjaan kerajaan bagi projek-projek yang berkaitan dengan sektor-sektor di kementerian ini akan dibiayai melalui Perbelanjaan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Kemajuan. الْحَمْدُ لِلَّهِ kebanyakan projek-projek besar yang kaola nyatakan sebentar tadi adalah merupakan inisiatif-inisiatif pihak pelabur-pelabur dalam dan luar negara yang akan melaksanakan projek mereka di tapak-tapak yang sudah sekian lama disediakan infrastruktur asas seperti KKP Tungku, KKP Sinaut dan seperti tapak-tapak ternakan udang dan ikan di Kampung Penyatang dan Kampung Telisai, Sungai Paku dan lain-lain. Malah, ada juga di antara projek yang besar ini tidak memerlukan perbelanjaan kerajaan sama sekali atau sangat minimal seperti perusahaan memelihara ikan sistem sangkar di sungai-sungai dan perairan laut di Negara Brunei Darussalam.

Sebelum mengakhiri pernyataan kaola ini, kaola amat berharap semua pihak akan dapat sama-sama membantu merealisasikan perancangan strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang agak lembab, ditambah pula dengan keadaan harga pasaran minyak mentah yang rendah, yang setentunya memberi kesan ke atas hasil negara, maka usaha-usaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan mempelbagaikan sumber hasil negara perlulah ditingkatkan.

Oleh yang demikian, kita memerlukan semua pihak yang berkepentingan, khususnya para peladang-peladang pertanian, perikanan dan pengusaha-pengusaha industri pelancongan akan dapat melipatgandakan usaha mereka dalam mempercepatkan pertumbuhan pengeluaran masing-masing, terutama dengan mensasarkan pasaran eksport. Peladang-peladang mestilah bersedia untuk menggunakan teknologi moden dan bijak memilih tanaman, ternakan termasuk ikan dan udang yang hendak diusahakan.

Tumpuan hendaklah kepada jenis-jenis tanaman dan ternakan yang bernilai tinggi dan juga yang mempunyai permintaan yang terjamin. Selain daripada itu, pengurusan ladang yang baik adalah penting bagi mengawal tanaman dan ternakan dari pencemaran dan dari serangan penyakit bagi memastikan kualiti yang terbaik dan memastikan kadar *survival* yang tinggi. Teknik-teknik moden yang mampu membantu mempercepatkan

pertumbuhan, yang mampu menjimatkan penggunaan tanah dan mampu mengurangkan penggunaan air dan tenaga mestilah diterokai seluas-luasnya iaitu bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan unit kos, meningkatkan keuntungan dan memperbaiki daya saing keluaran sama ada bagi pasaran dalam negara mahupun pasaran eksport.

Mudah-mudahan dengan cara begini iaitu dengan peningkatan keuntungan yang berlipat ganda itu nanti, peladang-peladang juga tidak akan selama-lamanya perlu bergantung kepada bantuan-bantuan subsidi kerajaan. Sekianlah sahaja yang kaola dapat sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan dengan hala tuju kementerian ini, iaitu sebagai penduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Setinggi-tinggi terima kasih kaola kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas peluang yang diberikan, sekian

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita baharu sahaja mendengar keterangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengenai dengan belanjawan kementeriannya. Sebelum saya membukakan perbahasan mengenai dengan Tajuk ini, saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan menyoal terutamanya, untuk memfokuskan

perhatian kita terhadap soalan-soalan, terhadap belanjawan yang kita bincangkan ini. Maka saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola merakamkan ucapan terima kasih di atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu berhubung dengan mukadimah yang terperinci dan mendalam dari Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan pembentangan belanjawan Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 kementerian ini. Kaola bercakap mengenai dengan Tajuk SH01A – Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu kod akaun 002/002 iaitu mengenai dengan Operasi Penguatkuasaan yang berjumlah keseluruhannya meningkat iaitu \$257,231.00. Apa yang diketahui hutan negara kita ini merupakan harta atau khazanah negara, gedung ilmu dan maklumat hal yang amat tinggi nilainya kerana di dalamnya terdapat flora dan fauna dan segala hidupan liar.

Berlaku kerosakan, kepupusan dan kemusnahan penebangan pokok-pokok dan pengambilan tumbuhan-tumbuhan hutan, penangkapan hidupan liar dilakukan tanpa kawalan dan tanpa ada rasa sayang dan tanggungjawab. Penebangan pokok-pokok bernilai tinggi

hanya sekadar untuk mengambil buahnya atau aromanya termasuk penebangan dan pengambilan anak-anak pokok yang masih kecil dengan pengambilan yang amat banyak dan dijual di tamu-tamu.

Penangkapan binatang liar seperti rusa, pelanduk dan burung juga akan menyebabkan kepupusan binatang ini. Maka satu hari nanti generasi akan datang tidak tahu apakah rupa bentuknya binatang dan tumbuhan ini. Begitu juga dengan laut dan sungai negara ini, pelanggaran kepada penangkapan ikan di zon larangan dan penangkapan spesies ikan yang dilarang seperti ikan yu dan pengambilan telur penyu.

Soalan kaola, adakah operasi dan penguatkuasaan ini mempuyai keanggotaan yang mencukupi? Sehubungan ini, kaola mencadangkan bahagian operasi dan penguatkuasaan ini, memperkasakan lagi unit ini agar ianya digalati iaitu:-

1. Memberikan keanggotaan penguatkuasaan dengan pakaian seragam khas dengan lencana penguatkuasaan perlindungan hidupan liar dan perikanan;
2. Melakukan rondaan dan pemeriksaan rutin. Memastikan tidak ada penyalahan dan pelanggaran Akta Perlindungan Hidupan Liar dan Perikanan. Jika didapati ada pelanggaran akta berulang-ulang, hendaklah

- dilaksanakan dengan tegas setelah diberikan amaran;
3. Mengadakan Akta Pemulihan, Pembaikan dan Tanaman Semula kawasan atau hutan dan tumbuhan yang telah dirosakkan dan dibiarkan oleh syarikat atau individu sama ada pengambilan, penebangan dan penerokaan yang telah dibenarkan atau secara haram; dan
 4. Pemberigian Akta Hidupan Liar, Perhutanan dan Perikanan menerusi jerayawara meningkatkan kesedaran umum tentang pemeliharaan hutan, hidupan liar dan terumbu karang. Terutama bermula dari peringkat sekolah rendah, menengah sehingga tertinggi kerana mereka ini nanti bakal menjadi generasi 2035 dan menjadi generasi penyayang terhadap perhutanan, hidupan liar dan persekitaran.

Kalau boleh disarankan/dimasukkan ke dalam silabus atau sukatan pelajaran MIB di sekolah-sekolah menengah.

Mengenai dengan Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Di sini kaola ingin penjelasan mengenai dengan perkembangan penternakan udang di Mukim Telisai iaitu sama ada di Sungai Paku, Kampung Telisai sendiri dan di Kampung Keramat.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli di atas soalnya. Minta maaf kerana soalan terlalu panjang tetapi mudah-mudahan saya ingat kesemua soalan-soalan itu. Secara umumnya Yang Berhormat bertanya mengenai cara kitani mengawal daripada kerosakan hutan, hidupan liar dan juga kepupusan ikan-ikan di perairan Brunei. Jadi adakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah kepupusan, kerosakan ataupun penyalahgunaan yang disebutkan tadi itu.

Sebenarnya kalau dari segi hidupan liar memang ada caranya dan tertakluk kepada badan antarabangsa yang mengawal pemeliharaan kehidupan liar ini. Dan masalah hutan pun sama juga. Pengawalan hutan ini bukan sahaja diurus oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja tetapi adalah dengan kerjasama beberapa agensi termasuklah pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis dalam satu agensi dipanggil SLAMBADA di mana rondaan-rondaan sering dilakukan/dilaksanakan di kawasan-kawasan hutan Brunei untuk memastikan tidak ada kecurian-kecurian berlaku di kawasan hutan kitani. Pada masa yang sama, orang ramai juga tertakluk kepada peraturan perhutanan sebelum mereka mengambil sebarang jenis kayu di hutan-hutan negara kitani ini.

Di sektor perikanan pun sama juga, iaitu terdapat sudah tegahan-tegahan bagi orang ramai untuk menangkap ikan-ikan tertentu misalnya ikan *yu*, *infact* menjadi kesalahan untuk orang melanggar peraturan ini. Rondaan telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu terutama sekali bekerjasama dengan pihak Polis Marin dan Jabatan Perikanan sendiri, untuk mengawal sama ada pencerobohan atau pun penangkapan ikan yang dilarang itu. Soalan Yang Berhormat ini sangat panjang Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan mencuba untuk menjawab lagi nanti di masa yang akan datang.

Berkenaan dengan ternakan udang di Sungai Paku dan Penyatang. Barangkali soalnya apakah perkembangannya pada masa ini. Jadi seperti yang dinyatakan tadi dalam mukadimah kaola sendiri Yang Berhormat Pengerusi bahawa kawasan 200 hektar telah pun ditawarkan kepada seorang pengusaha pelabur asing untuk memelihara udang di kawasan-kawasan berkenaan dan *infact* ia sudah beroperasi lebih setahun sudah dan dijangka akan mengeksport. Mulai tahun ini juga kepada negara-negara seperti Australia, Jepun, North Amerika dan mulai tahun ini juga akan mengeksport ke Eropah iaitu setelah kitani mendapat pengiktirafan daripada *European Union* di mana Jabatan Perikanan diiktiraf sebagai autoriti yang *competent* untuk dapat mengesahkan yang pengusaha kitani dapat mengeksport ke Eropah.

Sama juga di Sungai Paku, di sana bukan sahaja diusahakan untuk ternakan udang tetapi mungkin akan dilaratkan kepada

perusahaan untuk menternak ikan dengan menggunakan kolam juga. Walau bagaimanapun, seperti yang terdapat di dalam belanjawan ini, ada keperluan untuk meningkatkan pam-pam air dari air laut untuk dibawa masuk ke kolam-kolam ternakan udang di kawasan Penyatang dan Sungai Paku. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apabila selesainya kerja-kerja meningkatkan keupayaan pam-pam berkenaan, lebih banyak pengeluaran akan dapat dibuat dari kawasan-kawasan berkenaan. Sekian sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bercakap mengenai Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, diberi bajet sebanyak \$1,478,800.00. Jabatan Pelancongan di bawah MPRT telah dan sedang giat mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang menarik sebagai sebuah negara yang kaya dengan budaya, hutan hujan tropika dan khazanah di dasar laut yang juga tidak kurang hebatnya dibandingkan dengan negara-negara ASEAN. Akan tetapi kita masih kurang dengan tumpuan pelancongan yang berkonsepkan satu *pit stop* untuk pelancong singgah dan membeli belah. Sebagai contoh kita mempunyai satu kawasan membeli belah iaitu satu bumbung yang hanya menjual alat-alat komputer dan pakaian bahkan

tidak terdapat *indoor entertainment* yang bertemakan seperti mini Jerudong Park yang hanya terdapat di Borneo.

Adalah diharapkan *stakeholder* (pihak kerajaan dan swasta) supaya akan dapat membincangkan dan memikirkan untuk sama-sama mencipta destinasi pelancongan yang menarik. Mencipta lapangan kerja dan akhirnya menyumbang pertumbuhan ekonomi negara. Dalam pada itu ada beberapa Majlis Perundingan Kampung yang telah mengungkayahkan beberapa aktiviti yang kaola kira boleh menyumbang tarikan pelancongan seperti Taman Riadah Tasik Serubing dan Bukit Markucing, Taman Herba, hutan dan wasai, di Bukit Lugam Katok dan lain-lain. Sekian Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima Kasih Yang Berhormat. Seperti yang dinyatakan dalam majlis muzakarah bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Mukadimah kaola tidak banyak menyentuh pelancongan seperti dijelaskan semasa muzakarah. Ada 3 sektor pelancongan dikategorikan dalam sektor pelancongan Brunei:-

1. Sektor *Eco-Tourism* dan sektor warisan dan kebudayaan. Kitani mempunyai kekuatan dari segi bidang *Eco-Tourism rain forest* ataupun hutan-hutan yang bersih atau di hutan-hutan yang asli;

2. Destinasi Kampung Air dan Bandar Seri Begawan yang terdapat Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin dan Jame' Asr Hassanil Bolkoh, muzium-muzium, *Maritime Muzium, Royal Regalia*. Yang terbaru Pusat Balai Pameran Islam di bawah Jabatan Mufti Kerajaan. Tujuan kementerian untuk memastikan kekuatan kita ini terus kuat menarik dan berkualiti tinggi mudah disinggahi dan selamat; dan
3. Sektor yang kedua yang hendak dimajukan seperti pantai-pantai dan kawasan perhutanan, taman-taman peranginan yang lain seperti Rekreasi Hutan Simpan Berakas dan Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan. Pantai Serasa dan Pantai Seri Kenangan dan seperti di Daerah Tutong di Sungai Basong juga perlu dipertingkatkan.

Dan terdapat juga destinasi pelancongan berasaskan komuniti kampung-kampung seperti yang terdapat di Kampung Tanjung Maya dan Kampung Kiudang. Di daerah Brunei dan Muara juga banyak kampung yang menjalankan aktiviti-aktiviti komuniti, yang boleh menarik perhatian pelancong. Selebihnya bercorak aktiviti seperti menyelam di beberapa tempat di perairan Brunei dan aktiviti-aktiviti melihat

burung (*bird watching*) dan aktiviti baru iaitu berbasikal di hutan-hutan bagi pelancong-pelancong yang berminat dalam bidang berkenaan.

Mengenai soalan mengadakan *indoor team park* dan *shopping center* kita serahkan kepada *private sector* untuk menjalankannya. Ini tertakluk kepada tanah-tanah yang sedia ada. Mereka boleh memohon kepada pihak berkenaan untuk mereka tapi bukan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Pantai-pantai kebanyakannya bukan semua di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sebagai contoh di Kampung Sibungutan di kawasan pantai yang mana telah digazetkan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama di bawah Pelancongan, telah pun ditawarkan secara *request proposal* kepada orang ramai untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan yang boleh didirikan *chalet*, untuk orang berehat dan segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perhutanan. Ertinya bukan dibuat *shopping center* di sana. Tapi kekuatan itu dari bidang *eco-tourism* bukannya kita bersaing secara terus dengan Hongkong dan Singapura. Kitani punya kekuatan adalah bidang *eco-tourism* itu.

Menyentuh mengenai Majlis Perundingan Kampung, kementerian mengalu-alukan dan menyembut baik kegiatan daripada setiap kampung-kampung dan mukim-mukim untuk mempromosi kampung mereka sebagai satu destinasi. Dan pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

kerana ini berhubung kait dengan perundingan ataupun perbincangan dengan pejabat-pejabat daerah dan pegawai-pegawai daerah untuk sama-sama menggalakkan kampung-kampung mereka mempromosi destinasi kampung mereka sebagai satu destinasi pelancongan.

Di Daerah Temburong banyak yang aktif dalam bidang ini, berbagai-bagai produk mereka seperti Wajid Temburong, mi, dan lain-lain lagi. Di Tutong seperti di Tanjong Maya dengan kelapa daranya, di Kiudang dengan herba tehnya dan di Kampung Katimahar dengan *eco-tourism*nya.

Di tempat-tempat lain seperti di Daerah Belait juga diharap akan lebih aktif lagi untuk mempromosi beberapa kawasan dan produk-produk mereka sebagai satu destinasi pelancongan. Kementerian sentiasa memberi sokongan kalau ada pemikiran daripada pihak-pihak berkenaan. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di atas mukadimah dan tahniah juga di atas usaha-usaha yang sedang dilaksanakan bersama-sama pihak swasta terutama

sekali pelancongan di *eco-tourism* dan *cultural* dan *community base tourism*. Di sini saya ingin bertanya 2 perkara:-

1. Tajuk SH06A dan Tajuk SH02A mengenai Perkembangan Produk dan Pelancongan. Kaola ingin mengusulkan menyediakan fokus pelancongan yang dipanggil pelancongan belia *youth tourism* yang bersifat *youth friendly* ataupun mesra belia. Ini adalah kerana potensi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan ada, akan tetapi pakej-pakejnya ataupun produk-produk sekarang dapat lagi disesuaikan untuk belia-belie muda sama ada dalam ataupun luar negara.

Di sinilah tarikan yang bersifat *low cost* dan juga *youth friendly* seperti contoh pertukaran budaya, *bag packing*, hostel belia, program intensif sukarelawan sambil bercuti sukan dan hobi pertukaran pelajar, pakej untuk pelajar *hop off bus* dan lain-lain dapat memberi peluang kepada belia untuk melancong, ini dapat dilaratkan lagi memasukkan belia negara kitani untuk meneroka daerah lain; dan

2. Kaola ingin bertanya peruntukan Tajuk SH06A-004000 dan mungkin juga melibatkan 002/003 iaitu Promosi dan Pemasaran Pelancongan dan Promosi dan Publisiti Produk Pelancongan. Adakah Peruntukan Belanjawan 2017/2018 yang nampak pengurangan ini akan memberi impak negatif

terhadap pembangunan pelancongan? Difahami industri pelancongan amat memerlukan promosi dan publisiti.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Mengenai produk-produk pelancongan yang lebih mirip kepada belia. Mana-mana produk pelancongan memang ada peluang untuk penglibatan belia misalnya Daerah Temburong sebagai destinasi berbagai-bagai aktiviti boleh diadakan di Daerah Temburong untuk orang menikmati sebagai destinasi belia.

Misalnya baru-baru ini ada satu ekspedisi melukis di Daerah Temburong yang melibatkan pelukis-pelukis Brunei dan juga dari luar negara. Malah aktiviti sebegini sering berlaku di negara-negara lain seperti Indonesia yang pelukis-pelukis dari luar negara bergabung dengan pelukis-pelukis dalam negara sebagai ekspedisi dan mereka kebanyakan tidak memerlukan perbelanjaan besar. Mereka lebih gemar tinggal 10 orang dalam sebuah bilik. Tidak perlu satu bilik satu orang, ertinya pelancongan yang murah. Hasil lukisan mereka akan ditinggalkan di sini sebagai pameran.

Baru-baru ini beberapa orang tukang masak muda Brunei telah dihantar ke Daerah Temburong untuk belajar

macam mana masakan orang-orang etnik di Kampung Batang Duri.

الحمد لله hasil daripada kegiatan demikian bila kita mengadakan aktiviti gastronomi pada bulan lepas nampaknya beberapa masakan orang kampung atau pedalaman dapat dibawa keluar ke bandar-bandar untuk dinikmati orang ramai di bandar ini termasuk orang dalam dan luar negara juga. Tidak ada halangan untuk mengadakan produk-produk atau melanjutkan produk-produk khas untuk belia. Ia terpulang kepada kreativiti para belia untuk mengambil peluang daripada produk yang ada.

Mengenai promosi dan publisiti. Jika dilihat beberapa tahun yang lalu berjuta-juta peruntukan yang telah diberikan tetapi mulai tahun lepas cuma sedikit sahaja \$250,000.00 tapi الحمد لله tidak menjadi halangan kepada kementerian untuk mempromosi pelancongan kerana masa ini kita menggunakan teknologi seperti *whatsapp*, *facebook*, *Instagram* dan juga kaedah *TPP* sebagai cara mempromosi apa jua bentuk pelancongan yang kita adakan dan juga kolaborasi dengan berbagai-bagai kementerian juga diadakan untuk mengadakan promosi.

Misalannya pada bulan Januari tahun ini, kita telah membaiki semula imej pelancongan di Bandar Seri Begawan dan Kampong Air. Jadi kementerian bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana kebanyakan harta benda di Bandar Seri Begawan ini adalah di bawah bidang

kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga kementerian lain sebab itu kolaborasi perlu untuk sama-sama memberiga destinasi tertentu itu sebagai destinasi pelancongan.

Baru-baru ini disebabkan kita akan melancarkan pameran Tamadun Islam di bawah Jabatan Mufti Kerajaan, setiap kementerian sudah pun berbincang dengan Jabatan Mufti Kerajaan apakah faktor-faktor yang akan diketengahkan sebagai destinasi pelancongan. Mengambil kira negara kita sebagai Negara Melayu Islam Beraja mungkin pelancongan Islam adalah satu produk kita sendiri dan galeri pameran ini bukan saja sebagai sumber ilmu yang satu masa seminar, forum berkenaan islamik, ilmu islam kita boleh ketengahkan Negara Brunei Darussalam sebagai rumahnya.

Oleh yang demikian promosi itu diadakan dengan berbagai-bagai cara bukan saja kita keluar negara mempromosi Negara Brunei Darussalam tapi produk kita di dalam negara belum lagi kukuh. Fokus kementerian pada masa ini lebih kepada mengukuhkan produk kita seolah seperti sebuah restoran. Kita keluar mempromosi. Kita kuatkan menu makanan supaya orang ramai datang. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah mendengar beberapa pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Belanjawan Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkaitan itu.

Maka saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat tengah hari dan kita akan bersidang semula **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada pukul 2.00 petang ini nanti.

Sekian **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)